

21/08/2002

S&P beri BBB+ penarafan kedaulatan Malaysia

STANDARD & Poor's Ratings Services (S&P), agensi penarafan antarabangsa, menaikkan penarafan kedaulatan bagi Malaysia dan tiga syarikat yang majoriti ekuitinya dimiliki kerajaan.

S&P, dalam kenyataan yang dikeluarkan di Singapura, semalam berkata, peningkatan penarafan berkenaan dibuat sejajar langkahnya menaikkan penarafan kedaulatan bagi Malaysia.

Serentak itu, S&P menaikkan penarafan persekutuan bagi Malaysia termasuk penarafan kedaulatan jangka panjang untuk mata wang asingnya kepada BBB+.

Katanya, penarafan jangka panjang mata wang tempatan dan asing bagi perbadanan minyak dan gas nasional, Petronas dinaikkan kepada A+ daripada A.

S&P juga mengumumkan penarafan jangka panjang mata wang asing bagi syarikat perkapalan, Malaysian International Shipping Corp Bhd (MISC) dinaikkan kepada BBB+ daripada BBB.

Turut dinaikkan ialah penarafan jangka panjang mata wang asing bagi syarikat telekomunikasi nasional, Telekom Malaysia Bhd (Telekom Malaysia) daripada BBB kepada BBB+.

Bagaimanapun, S&P berkata penarafan jangka panjang mata wang tempatan bagi MISC dikekalkan. Unjuran masa depannya juga diletakkan pada kadar stabil.

Penarafan mata wang asing bagi tiga syarikat itu serta penarafan mata wang tempatan Petronas dilihat sebagai mencerminkan penarafan bagi kerajaan.

Sementara itu, sumber perbankan menyifatkan kenaikan penarafan oleh S&P berkenaan mampu menggalakkan syarikat terbabit untuk meninjau peluang pembiayaan di pasaran antarabangsa.

Minggu lalu, Telekom Malaysia dilaporkan mungkin menerbitkan bon bernilai kira-kira AS\$500 juta untuk membiayai pengambilalihan Technology Resources Industries Bhd (TRI).

Penarafan itu, yang disokong unjuran masa depan positif, mencerminkan penurunan risiko bagi kewangan awam untuk sokongan kerajaan terhadap sektor swasta bermasalah.

"Sejak setahun lalu, Malaysia menunjukkan komitmen menjayakan penyusunan semula hutang, halang tebus aset dan menggantikan pengurusan sektor korporat dengan tenaga profesional.

"Semua itu dilakukan tanpa menggunakan sebarang dana awam atau usaha menyelamatkan syarikat tertentu," katanya.

Penarafan itu juga diberikan selepas mengambil kira rancangan peralihan kuasa Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kepada timbalannya, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

S&P berkata, rancangan itu mengurangkan ketidakpastian jangka sederhana berhubung risiko perubahan persekitaran dasar, sekali gus mengelak daripada timbulnya isu peralihan kuasa.

Katanya, dasar ekonomi kerajaan Malaysia dan komitmennya terhadap penyusunan semula korporat dijangka tidak berubah walaupun selepas peralihan kuasa itu berlaku.